

TERBUKA AUSTRIA

Singapura kirim empat pesilat

27 MAR 1991

Oleh MOHD SANI ALI

PERSATUAN Silat Singapura (Persisi), merancang hendak menghantar empat pesilat ke Kejohanan Terbuka Austria dari 19 hingga 26 Mei ini.

Penolong setiausaha satu Persisi, Mohamed Khamin Said, menyatakan pihaknya akan menghantar seorang pesilat wanita dan tiga pesilat lelaki ke kejohanan antarabangsa itu.

Mereka yang telah dikenalpasti terdiri daripada Badriah Mohd Hosni, 22 tahun, Sheik Alaudin Yaacob, 23 tahun, Azman Amat, 23 tahun dan Abdul Talib Tambi, 26 tahun.

Menurut Khamin, keempat-empat pesilat itu merupakan penerima anugerah Skim Bantuan Cemerlang Sukan (SEA) dari Majlis Sukan Singapura (SSC) pada tahun lalu.

"Oleh yang demikian perbelanjaan penyertaan pesilat-pesilat tadi ditanggung oleh skim berkenaan."

Bagaimanapun, Khamin tidak mengenyakan hasrat Persisi hendak menghantar



AZMAN: Sudah banyak pendedahan.



BADARIAH: Pesilat wanita tunggal.

jumlah peserta lebih ramai.

"Kami berharap dapat menyertakan lebih ramai pesilat sebagai usaha pendedahan kepada pesilat-pesilat bagi menghadapi Sukan SEA Singapura pada 1993.

"Tetapi rancangan ini bergantung besar ke atas bantuan para penaja yang sedia menyempurnakan hasrat kami," tambahnya.

Penyeratan Singapura da-

lam kejohanan di Austria juga merupakan satu dari rancangan Persisi untuk meningkatkan persembahan pesilat-pesilat setempat, meskipun acara silat telah digugurkan daripada Sukan SEA Manila tahun ini.

Khamin menegaskan bahawa buat masa ini persatuannya belum menerima sebarang undangan rasmi dari pihak penganjur.

"Kami sudah berusaha menghubungi ibu pejabat Persatuan Silat Antarabangsa (Pesilat) di Jakarta, Indonesia untuk mengetahui kedudukan kejohanan tadi."

Menyentuh tentang kegagalan pecalonan Persisi dalam merebut Anugerah Olahragawan dan Olahragawati, yang diumumkan minggu lalu, Khamin berkata:

"Keputusan tersebut tidak sedikit menjejaskan semangat kami untuk terus berusaha di masa akan datang.

"Pesilat-pesilat yang kami calonkan telah berusaha dengan gigih untuk mengharumkan nama negara di peringkat antarabangsa.

"Kami menyifatkan ia sebagai pendorong untuk kami agar mencatatkan persembahan lebih baik lagi."

Persisi telah mencalonkan Sheik Alaudin untuk Anugerah Olahragawan dan Badriah Mohd Hosni untuk anugerah Olahragawati, Azman untuk Anugerah Penghargaan dan Hosni Ahmad untuk Anugerah Jurulatih Terbaik.